

**PENDEKATAN “IMAGINASI” DALAM *THE SYSTEM STANISLAVSKI*  
MEMBINA DAYA KREATIVITI MURID: KES KALANGAN MURID  
SEKOLAH MENENGAH DI KEDAH  
“IMAGINATION” APPROACH FORMULATION IN THE SYSTEM BY  
STANISLAVSKI BUILDS STUDENTS’ CREATIVITY: CASE AMONG  
SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN KEDAH**

**Mohd Amir Mohd Zahari<sup>1</sup>**

**Rohizani Yaakub<sup>2</sup>**

**Azrul Azizi Amirul<sup>3</sup>**

**Norazimah Zakaria<sup>4</sup>**

**Anida Sarudin<sup>5</sup>**

<sup>1,4 & 5</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia

amir.mz@fbk.upsi.edu.my; azrulazizi@usm.my; rohizani@usm.my;

norazimah@fbk.upsi.edu.my anida@fbk.upsi.edu.my

Tarikh dihantar: 06 Januari 2021 / Tarikh diterima: 29 Mei 2021

---

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji salah satu sistem teknik *The System*, iaitu imaginasi yang telah diperkenalkan oleh Stanislavski. Teknik imaginasi yang diaplikasikan adalah bertujuan untuk membina watak perwatakan semasa proses yang dijalankan oleh seseorang pelakon. Proses imaginasi oleh pelakon merupakan satu usaha dalam memberi gambaran secara jujur melalui lakonannya. Sehubungan dengan itu, pendekatan imaginasi ini sekaligus dapat menerapkan daya kreativiti murid di sekolah. Menerusi kajian ini, kaedah temu bual dan penulisan jurnal murid digunakan untuk mengumpul maklumat berkenaan sejauh mana praktis sesi lakonan dengan menggunakan pendekatan *The System* mampu memupuk daya kreativiti murid yang terlibat. Seramai 20 murid dan seorang guru terlibat sebagai peserta kajian. Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah menengah harian di daerah Kuala Nerang, Kedah. Hasil kajian menunjukkan pendekatan imaginasi dalam proses latihan telah membentuk tiga tema utama, iaitu 3E iaitu *exploration*, *elobrate* dan *evaluate*. Bermakna, murid menjalani proses dengan melalui proses eksplorasi terhadap watak, menghuraikan watak perwatakan dan menilai tahap watak yang dibawa. Aktiviti improvisasi bukan suatu hal yang dirancang sebaliknya penambahbaikan biasanya muncul akibat daripada suatu kesalahan ataupun kemunculan peristiwa yang tidak terancang. Improvisasi dapat melahirkan daya pemikiran kritis dan kreatif murid serta dapat mewujudkan proses pembelajaran secara aktif dalam kalangan murid sekolah menengah.

**Kata kunci:** Imaginasi, Teknik Stanislavski, *The System*, lakonan, pemikiran kreatif.

## **ABSTRACT**

*This study aims to examine one of technical system namely, The System which is imagination that has been introduced by Stanislavski. The imaginative technique applied is intended to build character during the process carried out by an actor. The process of imagination by the actor is an effort in giving an honest picture through his acting. In this regard, the imaginative approach can also apply creativity of students in school. Through this study, the method of interviewing students and student's writing journal is used to gather information on the extent to which the practice of acting sessions by using the approach The System strives to cultivate the creativity of the students involved. A total of 20 students and 1 teacher were involved as study participants. The study was conducted in a daily secondary school in the district of Kuala Nerang, Kedah. The results show that the imaginary approach in the training process has formed three main themes namely 3E namely exploration, elobrate and evaluate. Meaning, students go through the process of exploring the character, describing the character and characterizing the level of the successful character. Improvisation activities are not something that is planned. Improvements usually arise as a result of an error or the occurrence of an unplanned event. Improvisation can produce students' critical and creative thinking as well as can create an active learning process among secondary school students.*

**Keywords:** *Imagination, Stanislavski Techniques, The System, acting, creative thinking.*

## **PENDAHULUAN**

Aspirasi dan matlamat negara adalah untuk melahirkan masyarakat bangsa yang berilmu pengetahuan dan berfikiran kreatif. Aspirasi ini tercapai dengan adanya sistem pendidikan yang mantap dan berkualiti menerusi proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) (Wan Nasriha, 2016). Pembelajaran menggalakkan pemerolehan pengetahuan dan kemahiran dan ia dilakukan melalui satu perlakuan dan teknik tertentu yang bersifat saintifik dan sistematik (Marzni Mohktar, 2018). Pemudahcaraan pula merujuk kepada peranan guru dalam PdPc sebagai pemudah cara yang meneroka, merancang, menyediakan, melangsungkan, menstruktur dan membuat penyelidikan terhadap kepelbagaian aktiviti berpusatkan murid, mencabar minda murid dan menggunakan penyoalan aras tinggi secara berperingkat bagi mendorong murid memberi pandangan mereka dalam sesi pembelajaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014h). Sistem pendidikan kini juga terkesan serta menerima anjakan paradigma dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk menerapkan pemikiran kreatif terhadap murid di sekolah (Yahya Othman, 2003). Penyesuaian dan transformasi dalam proses PdPc perlu dilaksanakan untuk menghasilkan bukan sahaja murid yang kompeten dalam sains dan teknologi, kreatif, inovatif, mempunyai daya

cipta, malah dapat menghasilkan sumber tenaga pekerja mahir (Meor Ibrahim & Siti Nadya, 2008). Pemikiran kreatif pula mengupas berkaitan keupayaan semula jadi kognitif individu, menggunakan kecerdasan akal yang unik bagi menyelesaikan sesuatu masalah (Ayla & Omur, 2008). Menurut Runco et al. (2016), potensi dan tingkah laku kreatif berperanan untuk mencipta inovasi, reka cipta, reka bentuk dan sebarang bentuk kemajuan dalam pelbagai domain. Usaha meningkatkan kreativiti perlu diberikan penekanan, khususnya dalam pendidikan abad ke-21 ini.

Sehubungan dengan itu, dengan pendekatan PdPc yang efektif merupakan medium dalam menentukan murid mendepani pembelajaran abad ke-21 serta dapat melahirkan murid yang mempunyai pemikiran yang kreatif (Wan Nasriha, 2016). Pendekatan, strategi, kaedah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) haruslah pelbagai dan dirancang dengan teliti bagi memastikan murid menguasai pemikiran kreatif semaksimum mungkin. Justeru, asas dalam membentuk pemikiran kreatif ini haruslah bermula dalam dunia pendidikan dan khususnya dalam proses PdPc. Menerusi kajian ini, penyelidik ingin mengenal pasti pendekatan imaginasi yang terkandung dalam *The System* dapat mengaplikasikan melalui proses PdPc Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) terhadap genre drama dalam keperluan aktiviti lakonan yang dijayakan oleh murid-murid tersebut.

Aktiviti lakonan sebenarnya merupakan salah satu teknik yang wajar digunakan di samping teknik-teknik lain seperti teknik soal jawab, dengar ulang, korus, prosa dan dialog. Justeru, proses latihan dalam membina watak perwatakan yang dijalankan dengan menggunakan teknik *The System* dapat membantu murid dalam meningkatkan daya pemikiran kritikal (Ani Omar, Amir Zahari & Farrah Humairah, 2019). Hal ini demikian kerana pendekatan *The System* memupuk murid menjana akal secara logikal dalam membawa pelakon kepada imaginasi kreatif. Justeru, peranan guru sebagai pengarah dapat memilih teknik *The System* dan menggunakan pendekatan imaginasi kreatif melatih murid agar berfikir di luar kotak. Menurut Abdul Rahim Abdul Rashid, Abdul Aziz Abdul Talib, Abdul Ghafar Md. Din dan Mohamad Haron (2000) sekiranya aktiviti ini dikendalikan dengan bersungguh-sungguh, ia akan menjadi satu kaedah pembelajaran seperti lakonan drama KOMSAS atau sebagainya yang berkesan. Justeru, melalui kajian ini penyelidik ingin mengenal pasti sama ada pendekatan imaginasi membantu murid dalam penerapan pemikiran kreatif sebagaimana kehendak pembelajaran abad ke-21.

Menurut buku *The Stanislavsky of Acting* karya Rose Whyman pada tahun 2012 telah menyatakan bahawa Stanislavsky memperkenalkan pelbagai kaedah atau teknik dalam skop membina pengisian dalaman dan luaran watak. Dalam buku ini, Stanislavsky memaparkan sistem-sistem lakonan seperti pendekatan yang dapat digunakan untuk menjayakan sesuatu watak serta perwatakan. Stanislavski telah menggariskan teknik-teknik lakonan berdasarkan idea dan formula hasil daripada pengalaman beliau ketika menjalani latihan teater sebagai pengarah dan pelakon. Penekanan terhadap proses membina menjadi tujang utama kepada seluruh masyarakat yang terlibat dalam mengambil kira aspek proses pembinaan watak. Sehubungan dengan itu, teknik *The System* masih relevan untuk diguna pakai dalam lakonan sehingga hari ini khususnya dalam pementasan pentas. Dalam hal ini, teknik *The System* telah dijadikan kayu ukur dan panduan bagi menjelaskan proses latihan dalam membentuk persembahan lakonan keseluruhannya. Unsur-unsur yang terkandung dalam *The System* merangkumi aspek fizikal yang terdiri daripada (*magic "if"*), gambaran keadaan sebenar (*given circumstances*), imaginasi (*imagination*), tumpuan (*attention*), mengendurkan otot tubuh (*relaxation of muscles*), masalah dan penyelesaian (*pieces and problem*), percaya dan merasai kebenaran (*truth and belief*), rasa dalaman dan komunikasi (*emotional memory and communication*). Walau bagaimanapun, fokus utama kajian ini membincangkan penggunaan teknik *The System* untuk membina kemahiran daya kreativiti murid dalam membina emosi dan pergerakan bertutur, berfikir, berperilaku dan menggunakannya untuk membina watak yang boleh dipercayai (Nadhilah, Lena Farida & Zaharul, 2018). Justeru, sejajar dengan pelaksanaan KSSM dalam subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) yang memperkenalkan pendekatan Didik Hibur memerlukan murid untuk mempersembahkan karya yang diadaptasi atau yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk yang kreatif, menarik dan berkesan.

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti pendekatan 'imaginasi' yang terdapat di dalam *The System* Stanislavski dalam membina watak perwatakan semasa sesi latihan.
2. Mengkaji amalan-amalan murid dalam memperkembangkan kemahiran berfikir dengan menggunakan pendekatan 'imaginasi' yang terdapat dalam *The System* Stanislavski.

## KAJIAN LITERATUR

Pendekatan *The System* ini dapat memberi penekanan terhadap proses yang kompleks untuk membentuk watak realistic. Sistem ini mengkehendaki pelakon

untuk menganalisis matlamat watak perwatakan yang dilakukan. Pelakon tersebut mesti memahami objektif sesuatu watak dalam setiap babak dan seterusnya “*Super Objective*” untuk keseluruhan pementasan tersebut. “*Super Objective*” ialah matlamat utama pelakon dalam menghubungkan pemilihan objektif dari babak ke babak untuk menghayati sesuatu watak yang diberikan. Proses menghayati sesuatu watak merupakan pendekatan kepada kaedah lakonan yang digunakan bagi menentukan bagaimana seseorang pelakon boleh mengawal aspek emosi dan *interpersonal*. Stanislavski mengutamakan soal dalam mempamerkan lakonan yang bersifat realistik dan berkeyakinan agar mampu memberi gambaran secara jujur untuk khayalak menonton (Ismaliza Ishak, 2015).

Penemuan dari beberapa kajian menunjukkan sehingga kini sekolah di Britain kebanyakan mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran drama atau teater di sekolah dikenali sebagai Pendidikan Dramatik (Mana Sikana, 2017). Ironinya, dalam proses membina watak mengikut teknik *The System* sebagai salah satu medium dalam pendidikan agar dapat memberi anjakan paradigma dalam mempertingkatkan daya kemahiran kreativiti murid, terutamanya bagi murid yang berada pada tahap akademik yang sederhana dalam memupuk motivasi untuk belajar. Di samping itu, murid yang terlibat dalam lakonan perlu menjalani penyiasatan secara kritikal terhadap watak yang dijayakan agar pembawakan perwatakan itu jelas kelihatan penonton.

## METODOLOGI


Kajian ini dijalankan di sekolah menengah harian biasa yang terletak di daerah Kuala Nerang, Kedah yang menawarkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif untuk murid Tingkatan Empat. Sekolah menengah ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana memenuhi kriteria kajian dari segi peserta kajian, iaitu terdapat murid tingkatan empat yang mengambil aliran Sastera Melayu dan dan guru bahasa mata pelajaran KMK. Seterusnya, pemilihan sekolah ini dilakukan berdasarkan kepada beberapa faktor yang menepati ciri-ciri yang sesuai dan sejajar dengan kaedah PBP serta penggunaan Produksi Teater dalam proses PdP KMK. Sekolah menengah kebangsaan (SMK) ini merupakan suatu keputusan untuk melaksanakan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan Produksi Teater dalam PdP KMK. Justeru, kehebatan sekolah ini tidak dinafikan kerana terkenal dengan penglibatan aktif dalam pertandingan pementasan teater, pertandingan drama KOMSAS, keseniaan dan kebudayaan yang sering kali menjadi juara sehingga peringkat negeri dan juga kebangsaan.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian kes. Pemilihan kaedah kajian kes kualitatif ini membolehkan penyelidik memberikan gambaran sebenar dan mendalam serta konteks kajian yang melibatkan penelitian dalam menyiasat amalan guru (Creswell, 2007; Marohaini Yusoff, 2001), sesuai pada peringkat PdP (Hatch, 2007) yang mampu menghasilkan banyak data berkualiti yang memberikan nilai praktikal terhadap murid di sekolah. Kaedah kualitatif ini memberi pemahaman yang lebih mendalam terhadap sesuatu fenomena atau perkara yang dikaji (Cresswell, 2007). Pendekatan kualitatif berupaya menjelaskan perincian terhadap sesuatu perkara yang tidak dapat dipatuhi oleh kajian kuantitatif. Kesesuaian kaedah kualitatif merupakan pendekatan utama dalam menjalankan kajian yang berkaitan dengan sains sosial, terutamanya dalam mengkaji sesuatu dalam kaedah pengajaran atau pembelajaran di sekolah (Marzni Mohamed Mohktar, 2017). Sehubungan dengan itu, kelebihan kaedah kualitatif dapat memberi pemahaman yang terperinci serta telus dalam sesuatu kajian yang ingin dikaji. Pengumpulan data yang diperoleh melalui kaedah temu bual menjadikan data-data tersebut mempunyai nilai yang tinggi dan tepat dalam memperoleh data secara keseluruhannya.

Data kajian diperoleh melalui temu bual separa berstruktur yang telah dijalankan terhadap 20 orang murid dan seorang guru. Murid yang terdiri daripada sepuluh orang murid lelaki dan sepuluh orang murid perempuan. Hasil temubual telah dianalisis menggunakan perisian NVivo.

## **DAPATAN KAJIAN**

Analisis dilakukan untuk mentafsir atau pembinaan idea atau dikenali sebagai pengkodan. Pengkodan dapat membina tema/ kategori, idea, fasa, peringkat atau kumpulan (Siti Uzairiah, 2017). Dapatan kajian mendapati teknik Stanislavski dengan pendekatan *The System* yang diguna pakai dalam proses membina watak yang dijayakan telah menemukan tiga subtema iaitu eksplorasi, penghuraian dan penilaian. Sub-tema ini terbentuk hasil daripada gabungan temu bual mendalam secara langsung antara guru dan murid. Rajah di bawah menunjukkan ringkasan perolehan sub-tema kepada pemikiran kritikal.




Rajah 1 Carta Alir Pengekodan Data

Justeru, dengan menjalani eksplorasi terhadap watak dan perwatakan tersebut, murid diberi peluang untuk menggunakan pemikiran secara kreatif dan kritis. Murid telah mengeksplorasi analisis watak (Rajah 2) dalaman dan luaran seperti melafazkan dialog, umur pelakon, rupa paras (keadaan fizikal) dan sebagainya. Selain itu, proses eksplorasi sesuatu watak dapat membantu seseorang murid menyelesaikan sesuatu permasalahan atau mencari inisiatif untuk mengusahakan sesebuah watak yang divisualisasikan. Kesungguhan murid juga dilihat berpeluang dalam mencari penyelesaian terhadap sesuatu kesesuaian dalam ‘menghidupkan’ watak perwatakan agar setiap hasil dapat disampaikan dengan baik dan mudah difahami oleh para pelakon dan penonton. Kemahiran lakonan yang melibatkan *The System* dapat membantu merangsang pemikiran murid dalam menerbitkan suatu bentuk pemikiran kritis.



Rajah 2 Menganalisis watak oleh para pelajar

Rajah 3 menunjukkan murid-murid yang dinilai dengan kaedah *The System* dengan meletakkan pendekatan seperti *magic if*, improvisasi, *truth and belief* dan tumpuan dapat membentuk pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan murid. Dapatan membuktikan pemikiran kreatif boleh memberi impak kepada kebolehpayaan seseorang murid untuk mengolah, metafsir, menganalisis dan menilai sesuatu pertimbangan wajar yang perlu dilakukan.



**Rajah 3** Implikasi terhadap imaginasi  
Sumber Sistem Nvivo.

Improvisasi merupakan kunci dalam melahirkan murid yang berfikir kritis (Fadilla & Zamri Mahamod, 2019). Mereka dapat membina perwatakan melalui proses dalam sesi latihan kepercayaan seseorang pelakon dalam mempersembahkan watak dan perwatakan selaras dengan situasi yang digambarkan dalam naskhah. Justeru, pendekatan *The System* telah memberi satu anjakan dan panduan yang mapan kepada para guru untuk mengaplikasikannya dalam sesi lakonan. Dalam kajian ini, fungsi pembelajaran yang lebih berkesan dapat diterjemahkan melalui pengesanan keupayaan peserta kajian (murid) agar boleh berfikir secara kritikal dengan mempelbagaikan pembinaan teknik sepenuh kebebasan untuk menerokai sesuatu watak yang dibawa. Bahkan, peningkatan aras fikir yang tinggi ini mampu memberi peluang kepada murid untuk lebih berpeluang menggarap serta menggali segala elemen yang terkandung di dalam *The System*.

Peserta kajian yang terlibat menyatakan bahawa pendekatan eksplorasi terhadap pembinaan watak dan perwatakan dari segi emosi, gerak badan (fizikal) dan ekspresi wajah telah memberi kesan positif kepada mereka. Pendekatan *The System* telah menampilkan kecenderungan peserta kajian untuk memperoleh sesuatu maklumat dan memberi peluang kepada mereka mendapat pendedahan ilmu pengetahuan yang lebih luas, sekaligus melahirkan generasi yang mempunyai daya pemikiran kritis. Keupayaan mereka mendorong kebolehcapaian pengetahuan lebih pantas di samping membawa kepada pemikiran yang lebih jauh.

Penilaian yang menjelaskan berkaitan *Evaluate* atau penilaian menjelaskan tentang kebolehan peserta kajian (murid) untuk menilai keseluruhan gaya penceritaan atau pementasan yang dilakonkan. Penilaian ini boleh dilihat menerusi



penggubahan skrip dialog dan aksi, props serta kostum atau komponen-komponen teknikal yang dikenal pasti sebelum, semasa dan selepas latihan.

## PERBINCANGAN

Tuntutan untuk guru menjalani kaedah PdP genre drama memerlukan teknik lakonan sebagai medium pembelajaran murid dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Justeru, penggunaan *The System* memungkinkan pembentukan sistem lakonan yang boleh diaplikasi untuk memudahkan pemahaman penonton tentang latar belakang sesuatu watak itu dengan kritikal. Kekuatan arahan dengan gaya teater Stanislavski dengan aliran realisme. Gaya lakonan yang dipentaskan lebih bersifat realismenya serta menolak gaya lakonan yang berlebihan (Mana Sikana, 2006). Menurut Whyman (2008) mendapati Stanislavski menekankan kepentingan gaya lakonan yang wajar, natural, tidak dibuat-buat dan menolak gaya bicara seperti seorang deklamator. Dengan dasar inilah yang mengungkapkan tingkah laku sesuai dengan tuntutan psikologi manusia.

Kebenaran psikologi atau *psychological truth* berkait rapat dengan konsep lakonan yang membayangkan cara melakonkan sesuatu watak seperti berfikir, bertutur dan bergerak. Penekanan terhadap proses yang dilalui murid untuk membina watak dan perwatakan dengan menjalani analisis watak oleh pelakon itu sendiri. Jika watak diberikan bukan watak yang wujud, hanya gambaran penulis skrip sahaja, maka kaedah imaginasi dalam adaptasi pelakon amat penting. Menurut Stanislavski (1980) imaginasi yang memerlukan fantasi yang mewujudkan perkara yang tidak ada, perkara yang tidak pernah ada, dan perkara tidak akan ada. Hakikat pada masa kini ialah konteks pendidikan dipengaruhi dengan kepelbagaian psikologi murid di dalam bilik darjah, menjadikan satu usaha untuk memupuk pemikiran kreatif yang menjadi agak rumit (Noriati Rashid, Boon Pong & Sharifah Fakhriah, 2017). Dari sudut psikologi terdapat, perbezaan yang dilalui oleh setiap murid dalam bilik darjah. Justeru, guru perlu mengambil inisiatif yang murid mempunyai pelbagai kebolehan seperti bakat atau kemahiran. Kepekaan guru dalam menilai untuk menentukan strategi PdP agar dapat menggalakkan pemikiran kreatif murid.

## KESIMPULAN

Kreativiti dan kemahiran saling berkait rapat antara satu sama lain. Ramai yang berpendapat bahawa kreativiti tidak perlu dipelajari kerana datang daripada bakat individu. Namun, dalam konteks pendidikan, ia boleh dipelajari dan diasah untuk lebih mahir. Dengan cara aktiviti lakonan semasa proses PdPc yang berlangsung di

dalam bilik darjah. Tambahan lagi, pendekatan imjinasi yang mengarahkan murid supaya bertindak untuk berimajinasi terhadap pembangunan watak perwatakan agar lebih berfikiran kritikal dan kreatif. Stanislavski sangat mengutamakan sebuah representasi lakonan yang bersifat realistik dan berkeyakinan supaya mampu memberi gambaran secara jujur untuk tatapan penonton. Murid bertindak dengan mendalami sesuatu watak untuk mencari aspek luaran dan dalaman agar watak itu berjaya dihidupkan sekaligus membuktikan proses mengasah pemikiran kreatif telah terlaksana dalam memacu proses perkembangan pemikiran seseorang murid tersebut.

Kebanyakan penyelidik meletakkan murid sekolah hanya duduk di dalam bilik darjah dan belajar. Sebaliknya, jika diberi peluang menjalani aktiviti seperti lakonan, murid ini dapat menunjukkan kemampuan mereka dalam mereka bentuk dan menilai mengikut idea mereka sendiri dan seterusnya membawa kepada pembelajaran yang lebih mendalam dan kemahiran yang boleh dipindah milik (*transferable skill*) (Maizatul, 2009).

## RUJUKAN

- Ani Omar, Mohd Amir Mohd Zahari & Farra Humairah. (2019). *Drama dan teater dalam Pendidikan pengertian, teori dan amalan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Rahim Abdul Rashid, Abdul Aziz Abdul Talib, Abdul Ghafar Md. Din & Mohamad Haron. (2000). *Panduan latihan mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayla, A. P., & Ömür B. (2008). Gender and creative thinking in education: A theoretical and experimental overview. *ITU Journal of the Faculty of Architecture*, 6 (2), 44–57.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014h). *Kemahiran berfikir aras tinggi aplikasi di sekolah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. London: Sage Publications.
- Fadilla & Zamri Mahamod. (2019). Tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran peta pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 37–44.
- Hatch, T. (2003). Evidence based school counseling. making a difference with data-driven practices. Amherst: Corwin. Implications for practice. *Journal of Counseling & Development*, 76, 412-426.
- Ismaliza Ishak. (2015). Percaya dan merasai kebenaran (Pdmk): Strategi kaedah lakonan dalam monodrama dan monolog. Tesis Master (tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Maizatul, H.M.Y. (2009). *Children, computer and creativity: Usability guidelines for designing a game authoring tool for children*. Disertasi PhD (tidak diterbitkan). Otto-Von-Guericke University of Magdeburg, Jerman.

- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu tradisional, moden dan pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2017). *Di pentas drama Melayu pascamoden*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Marzni Mohamed Mohktar. (2018). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) penulisan karangan argumentatif. Tesis Master (tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Maizatul, H.M.Y. (2009). *Children, computer and creativity: Usability guidelines for designing a game authoring tool for children*. Tesis Master (tidak diterbitkan). Otto-Von-Guericke University of Magdeburg, Germany.
- Marohaini Yusoff. (Ed.). (2001). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Meor Ibrahim Kamaruddin & Siti Nadya Zynuddin. (2008). Persepsi pelajar tahun akhir aliran Sains Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia terhadap pendekatan pembelajaran secara Problem-Based Learning (PBL). Universiti Teknologi Malaysia.
- Nadhilah, Lena Farida Hussain Chin & Zaharul Lailiddin. (2018). Kaedah Lakonan Stanislavski sebagai modul untuk pengukuhan aspirasi murid dalam kalangan pelajar: Satu kajian rintis di SMKDHMNA Pulau Pinang. *3rd International Music and Performing Arts Conference Proceedings*.
- Noriat Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2017). *Murid dan pembelajaran*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Runco, M. A., Sue, H. P., Ahmed, M. A., Hanadi, N. Al. & Fatima, A. A. (2016). Which test of divergent thinking is best? *Creativity Theories-Research - Applications*, 3(1), 4-1.
- Siti Uzairiah. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Stanislavski, C. (1980). *An actor prepares*. London: Bloomsberry Publishing
- Wan Nasriha. (2016). *Pembinaan modul pembelajaran berasaskan projek bagi tajuk pembahagian sel*. Tesis Master (tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Whyman, R. (2008). *The Stanislavsky system of acting: Legacy and influence in modern performance*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wilcox, J. (2011). *Mastering monologues and acting sides: How to audition successfully for both traditional and new media*. New York: Allworth Press.
- Yahya Othman. (2003). Pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 3(1), 136-159.

